



5.0 SYARAT-SYARAT PERMOHONAN SEBAGAI OPERATOR DANDANG STIM



5.1



Kelayakan Am Permohonan Sebagai Operator Dandang Stim Gred Dua (2) & Gred Satu (1)

- Warganegara Malaysia; dan
- Tidak pernah didakwa dan didapati bersalah atas kesalahan di bawah Akta 514 atau peraturan-peraturan di bawahnya; dan
- Disahkan sihat oleh Doktor Kesihatan Pekerjaan (OHD) dengan menggunakan borang pemeriksaan kesihatan yang tersedia di sistem MyKKP.

5.2



Kelayakan Khusus Permohonan Sebagai Operator Dandang Stim Gred Dua (2)

Pilihan 1

- Mempunyai sekurang-kurangnya SPM atau SKM 2 dalam apa-apa bidang atau kelayakan setara; dan
- Mempunyai 2 tahun pengalaman kerja berkaitan operasi dandang stim (perlu disahkan majikan); dan
- Menghadiri kursus Operator Dandang Stim Gred 2 di Penyedia Latihan Berdaftar; dan
- Lulus peperiksaan Operator Dandang Stim Gred 2 di Pusat Peperiksaan yang diiktiraf

ATAU

Pilihan 2

- Mempunyai SKM 3 dalam bidang Dandang Stim; dan
- Mempunyai 1 tahun pengalaman kerja berkaitan operasi dandang stim (perlu disahkan majikan);
- Lulus peperiksaan Operator Dandang Stim Gred 2 di Pusat Peperiksaan yang diiktiraf

5.3



Kelayakan Khusus Permohonan Sebagai Operator Dandang Stim Gred Satu (1)

- Mempunyai 6 bulan pengalaman kerja berkaitan operasi dandang stim sebagai Operator Dandang Stim Gred 2;
- Mendapatkan pengesahan dari majikan atau Jurutera Dandang stim Gred 1 bagi item (a) ; dan
- Menghadiri kursus Operator Dandang Stim Gred 1 di Penyedia Latihan Berdaftar; dan
- Lulus peperiksaan Operator Dandang Stim Gred 2 di Pusat Peperiksaan yang diiktiraf

5.4



Kelayakan Permohonan Pembaharuan Operator Dandang Stim

- Kelayakan seseorang yang ingin memperbaharui kompetensinya sebagai Operator Dandang Stim adalah berdasarkan kepada Seksyen 31E (1) Akta Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan 1994. Berdasarkan peruntukkan ini, ditetapkan kelayakan untuk permohonan pembaharuan sebagai Operator Dandang Stim Gred Dua & Satu adalah seperti berikut:
 - Masih aktif menjalankan kerja sebagai Operator Dandang Stim dan disahkan oleh majikan; dan
 - Disahkan sihat oleh Doktor Kesihatan Pekerjaan (OHD) dengan menggunakan borang pemeriksaan kesihatan yang tersedia di sistem MyKKP; dan
 - Mempunyai majikan tetap; dan
 - Tidak disabitkan kesalahan di bawah Akta 514 atau peraturan-peraturan di bawahnya; dan
 - Tidak memperoleh pendaftaran atau pembaharuan melalui salah nyataan atau fraud.
- Bagi mengekalkan kesinambungan tempoh sah sijil kompetensi Operator Dandang Stim hendaklah mengemukakan permohonan pembaharuan tiga (3) bulan sebelum tamat tempoh sah sijil kompetensi.
- Bagi mana-mana permohonan yang dihantar melebihi 12 bulan selepas dari tarikh tamat kompetensi, (dikira sebagai pendaftaran) akan diproses menggunakan prosedur pembaharuan dalam sistem berserta dengan penilaian khas.



**BAHAGIAN KESELAMATAN INDUSTRI
JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN**

**PANDUAN BAGI PERMOHONAN PENDAFTARAN DAN PEMBAHARUAN
OPERATOR DANDANG STIM
2026**

*Telah dikemaskini pada 13 Februari 2026
(Ver. 3)*

Kandungan

1.0	PENDAHULUAN	3
2.0	PUNCA KUASA	3
3.0	TAFSIRAN	3
4.0	SKOP	3
5.0	SYARAT-SYARAT PERMOHONAN	4
5.1	Kelayakan Am Permohonan Sebagai Operator Dandang Stim Gred Dua (2) & Gred Satu (1)	4
5.2	Kelayakan Khusus Permohonan Sebagai Operator Dandang Stim Gred Dua (2)	4
5.3	Kelayakan Khusus Permohonan Sebagai Operator Dandang Stim Gred Satu (1)	4
5.4	Kelayakan Permohonan Pembaharuan Operator Dandang Stim	5
6.0	PANDUAN MENGISI BUTIRAN PERMOHONAN	5
6.1	Kategori Permohonan	5
6.2.	Panduan Mengisi Butiran Permohonan	6
7.0	KELULUSAN DAN PENOLAKAN	9
8.0	PEMAKLUMAN	9
9.0	FI	9
10.0	PIAGAM PELANGGAN	10

1.0 PENDAHULUAN

Panduan ini disediakan untuk rujukan pemohon semasa membuat permohonan pendaftaran baru dan permohonan pembaharuan Operator Dandang Stim bagi memastikan pemohon mendapat panduan yang tepat dan jelas serta mengelakkan kekeliruan kepada pihak pemohon berkenaan hal-hal berkaitan permohonan pendaftaran baru dan permohonan pembaharuan Operator Dandang Stim. Panduan permohonan ini terbahagi kepada dua (2) iaitu:

- a. Panduan Permohonan Pendaftaran Baru:
 - i. Operator Dandang Stim Gred Satu (1)
 - ii. Operator Dandang Stim Gred Dua (2)
- b. Panduan Permohonan Pembaharuan

Kaedah permohonan adalah secara atas talian di sistem MyKKP (<http://mykkp.dosh.gov.my>)

2.0 PUNCA KUASA

Seksyen 31C (1), Akta Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan 1994, iaitu seseorang yang berniat untuk berdaftar sebagai orang kompeten atau penyedia latihan berdaftar hendaklah mengemukakan suatu permohonan bagi pendaftaran kepada Ketua Pengarah mengikut apa-apa cara sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

Seksyen 31C (2), Akta Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan 1994, iaitu permohonan di bawah subseksyen (1) hendaklah tertakluk kepada pembayaran apa-apa fi sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri dan hendaklah disertakan dengan apa-apa dokumen dan maklumat sebagaimana yang dikehendaki oleh Ketua Pengarah.

3.0 TAFSIRAN

Operator Dandang Stim adalah panggilan kepada orang kompeten yang dilantik oleh pemunya atau penghuni untuk mengendalikan dan menjaga mana-mana loji berkaitan dandang stim sebagaimana yang dinyatakan di dalam peraturan 12(2) Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Loji Yang Menghendaki Perakuan Kelayakan) 2024.

4.0 SKOP

Skop panduan ini adalah terpakai bagi pemohon yang ingin membuat permohonan sebagai Operator Dandang Stim.

5.0 SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

5.1 Kelayakan Am Permohonan Sebagai Operator Dandang Stim Gred Dua (2) & Gred Satu (1)

- a. Warganegara Malaysia; dan
- b. Tidak pernah didakwa dan didapati bersalah atas kesalahan di bawah Akta 514 atau peraturan-peraturan di bawahnya; dan
- c. Disahkan sihat oleh Doktor Kesihatan Pekerjaan (OHD) dengan menggunakan borang pemeriksaan kesihatan yang tersedia di sistem MyKKP.

5.2 Kelayakan Khusus Permohonan Sebagai Operator Dandang Stim Gred Dua (2)

Pilihan 1

- a. Mempunyai sekurang-kurangnya SPM atau SKM 2 dalam apa-apa bidang atau kelayakan setara; dan
- b. Mempunyai 2 tahun pengalaman kerja berkaitan operasi dandang stim (perlu disahkan majikan); dan
- c. Menghadiri kursus Operator Dandang Stim Gred 2 di Penyedia Latihan Berdaftar; dan
- d. Lulus peperiksaan Operator Dandang Stim Gred 2 di Pusat Peperiksaan yang diiktiraf

ATAU

Pilihan 2

- a. Mempunyai SKM 3 dalam bidang Dandang Stim; dan
- b. Mempunyai 1 tahun pengalaman kerja berkaitan operasi dandang stim (perlu disahkan majikan);
- c. Lulus peperiksaan Operator Dandang Stim Gred 2 di Pusat Peperiksaan yang diiktiraf

5.3 Kelayakan Khusus Permohonan Sebagai Operator Dandang Stim Gred Satu (1)

- a. Mempunyai 6 bulan pengalaman kerja berkaitan operasi dandang stim sebagai Operator Dandang Stim Gred 2;
- b. Mendapatkan pengesahan dari majikan atau Jurutera Dandang stim Gred 1 bagi item (a) ; dan
- c. Menghadiri kursus Operator Dandang Stim Gred 1 di Penyelia Latihan Berdaftar; dan
- d. Lulus peperiksaan Operator Dandang Stim Gred 2 di Pusat Peperiksaan yang diiktiraf

5.4 Kelayakan Permohonan Pembaharuan Operator Dandang Stim

- a. Kelayakan seseorang yang ingin memperbaharui kompetensinya sebagai Operator Dandang Stim adalah berdasarkan kepada Seksyen 31E (1) Akta Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan 1994. Berdasarkan peruntukkan ini, ditetapkan kelayakan untuk permohonan pembaharuan sebagai Operator Dandang Stim Gred Dua & Satu adalah seperti berikut:
 - i. Masih aktif menjalankan kerja sebagai Operator Dandang Stim dan disahkan oleh majikan; dan
 - ii. Disahkan sihat oleh Doktor Kesihatan Pekerjaan (OHD) dengan menggunakan borang pemeriksaan kesihatan yang tersedia di sistem MyKKP; dan
 - iii. Mempunyai majikan tetap; dan
 - iv. Tidak disabitkan kesalahan di bawah Akta 514 atau peraturan-peraturan di bawahnya; dan
 - v. Tidak memperolehi pendaftaran atau pembaharuan melalui salah nyataan atau fraud.
- b. Bagi mengekalkan kesinambungan tempoh sah sijil kompetensi Operator Dandang Stim hendaklah mengemukakan permohonan pembaharuan tiga (3) bulan sebelum tamat tempoh sah sijil kompetensi.
- c. Bagi mana-mana permohonan yang dihantar melebihi 12 bulan selepas dari tarikh tamat kompetensi, (dikira sebagai pendaftaran) akan diproses menggunakan prosedur pembaharuan dalam sistem berserta dengan penilaian khas.

6.0 PANDUAN MENGISI BUTIRAN PERMOHONAN

6.1 Kategori Permohonan

Kategori permohonan berikut adalah terpakai untuk Operator Dandang Stim Gred Satu (1) dan Gred Dua (2).

PILIHAN KATEGORI PERMOHONAN	PENERANGAN
PERMOHONAN PENDAFTARAN	<ul style="list-style-type: none">- Setiap gred permohonan hanya boleh dipohon satu dalam satu masa.- Pemohon perlu mempunyai kompetensi Gred 2 terlebih dahulu sebelum memohon Gred 1 untuk setiap kategori.
PERMOHONAN PEMBAHARUAN	<ul style="list-style-type: none">- Permohonan pembaharuan bagi gred yang telah berdaftar dan tertinggi sahaja

6.2. Panduan Mengisi Butiran Permohonan

Bahagian 1 : Maklumat Am

MAKLUMAT	PENERANGAN
Nama Pemohon	Nama penuh seperti di dalam kad pengenalan
No. Kad Pengenalan	No. Kad Pengenalan pemohon
Tarikh Lahir	Tarikh lahir pemohon
Jantina	Jantina pemohon
Kewarganegaraan	Kewarganegaraan pemohon, warganegara sahaja
Bangsa	Seperti di dalam Sijil Lahir
Alamat Surat Menyurat	Alamat seperti di dalam Kad Pengenalan Calon
Nombor Telefon	Nombor telefon peribadi calon dan aktif
Emel	Emel terkini calon dan aktif

Bahagian 2 : Maklumat Majikan

**Nota: Pemohon wajib mempunyai majikan dalam tempoh 3 bulan terkini*

MAKLUMAT	PENERANGAN
Nama Majikan/Syarikat	Nama penuh syarikat/majikan seperti di SSM
No.Pendaftaran Kilang/Tempat Kerja	Nombor pendaftaran kilang/tempat kerja yang berdaftar dengan JKKP
Alamat Premis	Alamat penuh yang didaftarkan dengan JKKP
Sektor Industri	Sektor industri perusahaan majikan
No. Telefon	Nombor telefon syarikat yang terkini dan aktif
E-mel Syarikat	Emel syarikat terkini dan aktif

Bahagian 3 : Maklumat Kelayakan Akademik

**Nota: Bagi pemohon pendaftaran ODS Gred 2, sekurang-kurangnya mempunyai SPM atau SKM tahap 2 apa-apa bidang.*

MAKLUMAT	PENERANGAN
Institusi	Nama institusi pendidikan atau nama sekolah
Kelayakan Akademik	Kelayakan akademik sekurang-kurangnya Sijil Pelajaran Malaysia atau Sijil Kemahiran Malaysia atau setara denganya;

Pengkhususan Akademik	Maklumat bidang akademik
Tarikh mula dan akhir	Tarikh mula dan akhir menghadiri pengajian

Bahagian 4 : Pengalaman Bekerja

MAKLUMAT	PENERANGAN
Nama Majikan	Nama majikan perlu dibuat carian di sistem
Tempoh Bekerja	Tempoh bekerja di syarikat terkini atau terdahulu
Jawatan	Jawatan yang disandang
Alamat Majikan	Alamat penuh majikan
No. Telefon	No. Telefon majikan
Email	e-mail majikan

Bahagian 5 : Kursus Berkaitan

MAKLUMAT	PENERANGAN
Jenis Kursus	Kursus Operator Dandang Stim
Pusat Pengajar	Nama Pusat Pengajar yang diiktiraf Jabatan
Tempoh Kursus	Tarikh mula dan tarikh akhir menghadiri kursus

Bahagian 6: Maklumat Peperiksaan

MAKLUMAT	PENERANGAN
No. Sijil	No. Siri Sijil Kelayakan
Pusat Peperiksaan	Institut Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan Kebangsaan (NIOSH)
Negeri Peperiksaan Tempat Peperiksaan	Negeri peperiksaan diambil
Tarikh Peperiksaan	Tarikh menghadiri peperiksaan

Bahagian 7 : Sijil Kompetensi (jika ada)

MAKLUMAT	PENERANGAN
Sijil OYK	Maklumat jenis OYK, tarikh lulus dan tarikh tamat sekiranya ada.

Bahagian 8: Maklumat Perubatan

MAKLUMAT	PENERANGAN
No. Pendaftaran OHD	No. Pendaftaran OHD dengan JKPP
Nama OHD	Nama pegawai perubatan
Tarikh mula	Tarikh mula pemeriksaan
Tarikh tamat	Tarikh tamat pemeriksaan

Bahagian 9 : Dokumen Sokongan

Dokumen sokongan berikut hendaklah dimuat naik untuk permohonan ini dan perlu disimpan di dalam format *PDF*.

BUTIRAN	PENERANGAN
Imbasan Kad Pengenalan berwarna depan dan belakang*	Salinan yang dimuat naik perlulah jelas serta berwarna depan dan belakang. Permohonan akan ditolak jika tidak menepati piawaian yang ditetapkan.
Surat – surat akuan asal daripada majikan yang menunjukkan tempoh berkerja, tugas-tugas harian yang terperinci dan jentera di bawah jagaan pemohon hingga sekarang.*	Surat – surat serta dokumen berkaitan seperti: i. Surat pengesahan majikan bertarikh 3 bulan terkini yang mengandungi tugas-tugas harian, tempoh bekerja, dan maklumat jentera dibawah pemohon. ii. Salinan Log Book Boiler atau daily checklist sebagai pembantu Operator Dandang Stim yang menunjukkan penglibatan pemohon dan disahkan oleh majikan. iii. Sijil Perakuan Kelayakan Jentera Dandang Stim yang sah
Lain-lain dokumen sokongan (contoh: surat penjelasan tidak menjalankan aktiviti kesihatan pekerjaan *	Dokumen sokongan yang dirasakan perlu untuk menyokong dokumen-dokumen diatas termasuk i) Laporan pemeriksaan kesihatan daripada Doktor Kesihatan Pekerjaan (OHD); ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau Sijil Kemahiran Malaysia atau setara denganya; iii) Sijil hadir kursus di Penyedia Latihan Berdaftar; iv) Sijil Lulus Peperiksaan.

Bahagian 10: Perakuan Kebolehan

MAKLUMAT	PENERANGAN
Akuan pemohon untuk membuat permohonan	Pengakuan pemohon bahawa telah membuat semakan semula terhadap maklumat permohonan yang dikemukakan, termasuk mengisi maklumat keluasan permukaan memanas dandang stim.

Bahagian 11: Perakuan

MAKLUMAT	PENERANGAN
Akuan pemohon memberi maklumat	Akuan pemohon memberi maklumat yang benar

7.0 KELULUSAN DAN PENOLAKAN

Keputusan permohonan boleh disemak melalui *Profile Pemohon*. Bagi permohonan yang diluluskan, pemohon boleh memuat turun slip kompetensi yang telah disahkan. Manakala bagi permohonan yang gagal/kandas, sila rujuk catatan yang dipaparkan dalam *Profile Pemohon* untuk maklumat lanjut.

8.0 PEMAKLUMAN

Pihak Jabatan boleh menolak permohonan, menggantung dan membatalkan pengiktirafan ke atas pemohon jika didapati :

- a. Tidak memenuhi mana-mana kriteria permohonan pendaftaran Orang Kompeten; atau
- b. Memalsukan dokumen dan maklumat permohonan; atau
- c. Telah melanggar mana-mana syarat yang telah ditetapkan oleh JKKP seperti yang dinyatakan di dalam surat kelulusan pendaftaran atau syarat-syarat lain yang dikeluarkan oleh JKKP dari semasa ke semasa ; atau
- d. Telah memperoleh pendaftaran melalui salah nyataan atau fraud.

9.0 FI

Pembayaran mengikut kadar yang ditetapkan di dalam Peraturan-Peraturan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (Fi Bagi Pendaftaran dan Pembaharuan Orang Kompeten Dan Penyedia Latihan Berdaftar) 2024

Bagi permohonan pembaharuan yang dihantar dalam tempoh lebih 7 hari selepas dari tarikh tamat kompetensi, fi proses akan dikenakan.

10.0 PIAGAM PELANGGAN

Piagam pelanggan bagi permohonan Permohonan/Pembaharuan Operator Dandang Stim adalah tiga puluh (30) hari bekerja.

Disediakan oleh:

Unit Peperiksaan dan Persijilan

Bahagian Keselamatan Industri

Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia.